

23/09/2002

Kemerosotan bola sepak mengaibkan

KEMEROSOTAN mutu bola sepak negara hinggalah politiking dalam persatuan sukan disebabkan bersengketa sesama sendiri, turut tidak terlepas daripada teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003, Jumaat lalu. Pengamatan Perdana Menteri bahawa negara pernah mengecapi kegemilangan di arena bola sepak dan cukup terkenal di rantau Asia hingga pernah mengalahkan Jepun dan Korea Selatan yang kini muncul gergasi bertaraf dunia, membayangkan perhatian tertinggi yang menuntut sesuatu dilakukan untuk mengakhiri keaiban berpanjangan.

Memang tiada silapnya teguran bahawa bola sepak negara hanya bersandarkan kegemilangan silam. Peralihan daripada taraf amatir kepada separa profesional dan kini profesional sepenuhnya, anehnya hanya membawa kemunduran. Pada ketika pegawai cenderung menyalahkan pemain kerana kurang berkesungguhan, pemain pula menuding jari di atas setiap kegagalan kepada kekurangan perancangan dan kebijaksanaan. Tanpa rumusan bertepatan, tanpa mengenal pasti punca sebenar hingga menyulitkan langkah-langkah mengatasinya, bola sepak Malaysia terus dalam keadaan teraba-raba sejak dua dekad kebelakangan.

Anehnya juga wang mempunyai kaitan yang sukar dipisahkan. Ketika habuan yang diberi dianggap berpada-pada, bola sepak negara suatu ketika dicemari skandal rasuah terbesar gara-gara pemain tamak yang sentiasa mahukan lebih. Kemudian, dengan pengenalan taraf profesional hingga ramai pemain berpendapatan lima angka, mereka tidak lagi laparkan kejayaan. Negara turut menanggung akibatnya apabila pemain tidak lagi ghairah atau bersemangat mewakili pasukan kebangsaan. Sebarang perubahan yang hendak dilakukan harus bermula dengan sikap, baik pemain dan pegawai tidak terkecuali.